

## SIARAN BERITA

### MyCC ISU KEPUTUSAN AKHIR TERHADAP LIMA PERUSAHAAN UNTUK HARGA PENETAPAN

**KUALA LUMPUR, 1 Jun 2016** - Suruhanjaya Persaingan Malaysia ("MyCC") telah mengeluarkan keputusan dapatan pelanggaran di bawah seksyen 40 ("keputusan") Akta Persaingan 2010 ( "Akta") terhadap pembekal perkhidmatan teknologi maklumat untuk perkapalan dan industri logistik kawasan Pulau Pinang, iaitu Containerchain (M) Sdn. Bhd. ("Containerchain") bersama-sama dengan empat pengendali depoh kontena iaitu Ayza Industries Sdn. Bhd./Ayza Logistics Sdn. Bhd., ICS Depot Services Sdn. Bhd., EAE Depot & Freight Forwarding Sdn. Bhd. dan Prompt Dynamics Sdn. Bhd. ("Pengendali-Pengendali Depoh Kontena") kerana penglibatan mereka dalam aktiviti kartel harga.

MyCC telah menetapkan bahawa Containerchain dan Pengendali-Pengendali Depoh Kontena telah melanggar seksyen 4(1) Akta dengan pembuatan perjanjian menegak melalui amalan bersepadu yang menyebabkan Pengendali-Pengendali Depoh Kontena meningkatkan caj pagar depoh yang dikenakan ke atas pelanggan mereka dari RM5 ke RM25 dan menetapkan rebat sebanyak RM5 untuk syarikat pengangkutan dalam hal caj pagar depoh.

MyCC juga memutuskan bahawa Pengendali-Pengendali Depoh Kontena telah melanggar Seksyen 4(2)(a) Akta dengan memasuki perjanjian mendatar untuk menetapkan RM25 caj pagar depoh dan juga rebat sebanyak RM5 untuk syarikat pengangkutan yang mana ia disifatkan mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam pasaran perkhidmatan simpanan, penyelenggaraan dan pengendalian kontena kosong dalam lingkungan lima (5) ke limabelas (15) kilometer dari Pelabuhan Pulau Pinang.

Dalam keputusan yang sama, MyCC mengenakan penalti kewangan berjumlah RM 645,774.00 ke atas lima perusahaan (5) tersebut yang melakukan pelanggaran-pelanggaran berkenaan dan penalti tambahan sebanyak RM7,000 bagi setiap hari sekiranya mereka gagal mematuhi tindakan-tindakan pembetulan yang berikut dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh keputusan:

- a. Pengendali-Pengendali Depoh Kontena memberhentikan dan berhenti dari melaksanakan kadar caj pagar depoh dan rebat yang telah dipersetujui yang mana kedua-duanya timbul daripada perlakuan anti-persaingan mereka;
- b. Sejarar dengan arahan di atas, klausa tujuh (7) Aturcara Akses Pengangkut (*Carrier Access Arrangement*) yang menetapkan caj pagar depoh dan rebat berkenaan atau mana-mana klausa yang seumpama itu hendaklah dimansuhkan kerana ia bersifat anti-persaingan;
- c. Aturcara Akses Pengangkut yang diterbitkan pada system Containerchain itu tidak boleh mengandungi apa-apa klausa yang boleh membenarkan perkongsian maklumat sulit berkaitan dengan mana-mana pengendali-pengendali depoh kontena yang telah melanggan sistem Containerchain;
- d. Containerchain dikehendaki memberi suatu aku janji dalam bentuk dan cara yang boleh diterima oleh Suruhanjaya untuk menyusun semula sistem Containerchain untuk memastikan bahawa ia tidak digunakan untuk apa-apa perlakuan anti-persaingan termasuk yang disebut dalam (a) di atas; dan
- e. Semua harga masa depan dan syarat perdagangan yang lain hendaklah ditentukan secara bebas oleh kesemua pengendali depoh kontena yang telah melanggan sistem Containerchain.

Keputusan Suruhanjaya telah dicapai selepas mendengar serta mempertimbangkan representasi bertulis dan/atau lisan kelima-lima perusahaan tersebut. Setiap perusahaan yang didapati melanggar Akta Persaingan 2010 mempunyai tiga puluh (30) hari dari tarikh keputusan untuk membayar penalti kewangan. Keputusan ini akan dimuat naik di laman web MyCC. Untuk maklumat lanjut mengenai kes itu atau berkenaan MyCC, sila layari [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

**-TAMAT-**

**Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:**

Noor Hasnizan, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: [izan@mycc.gov.my](mailto:izan@mycc.gov.my)

Wan Nurhafizah, Tel +603 2273 2277 (ext 701), Email: [nurhafizah@mycc.gov.my](mailto:nurhafizah@mycc.gov.my)

Unit Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

### **Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada bulan Jun 2011, MyCC merupakan sebuah badan bebas yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk mewujudkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, sekali gus mewujudkan peluang yang lebih produk untuk pengguna dengan kualiti yang lebih baik dan harga yang berpatutan. Akta terpakai kepada semua aktiviti komersial yang dijalankan di dalam dan di luar Malaysia yang menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia menyediakan rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan hukuman ke atas mereka yang melakukan amalan-amalan anti-persaingan / menjalankan di bawah undang-undang persaingan. Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, layari [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my) .

#### **Seksyen 4: Dilarang Perjanjian mendatar dan menegak**

4. (1) Suatu perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan adalah dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu perjanjian mendatar antara perusahaan yang mempunyai matlamat untuk-

(a) menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa perdagangan yang lain syarat;

(b) berkongsi pasaran atau punca bekalan;

(c) membataskan atau mengawal-

(i) pengeluaran;

(ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;

(iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau

(iv) pelaburan; atau

(d) melakukan tipuan bida,

adalah disifatkan mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

40. (1) Jika Suruhanjaya memutuskan bahawa terdapat suatu pelanggaran suatu larangan di bawah Bahagian II, ia-

(a) hendaklah menghendaki pelanggaran itu dihentikan serta-merta;

(b) boleh menyatakan langkah-langkah dikehendaki supaya perlu diambil oleh perusahaan yang melanggar, yang pada hemat Suruhanjaya adalah sesuai bagi menghentikan pelanggaran itu;

(c) boleh mengenakan penalti kewangan; atau

(d) boleh memberikan apa-apa arahan lain yang difikirkannya sesuai.

(2) Suruhanjaya hendaklah, dalam masa empat belas hari dari membuat keputusan di bawah Bahagian ini, memberitahu mana-mana orang yang terjejas dengan keputusan itu.

(3) Suruhanjaya hendaklah menyediakan dan menyiarkan sebab bagi setiap keputusan yang dibuatnya di bawah seksyen ini.

(4) Suatu penalti kewangan tidak melebihi sepuluh peratus daripada perolehan seluruh dunia perusahaan sepanjang tempoh semasa pelanggaran berlaku.